

KERTAS 1 Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Kemahiran Proses Sains

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu penyiasatan yang dijalankan oleh seorang pelajar.




Rajah 1

Apakah deria yang terlibat dalam penyiasatan ini?

- A** Bau **C** Penglihatan
B Rasa **D** Pendengaran

- 2 Rajah 2 menunjukkan satu penyiasatan.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah merupakan pemerhatian yang betul bagi penyiasatan di atas?

- A** Air telah tersejat selepas 30 minit.
B Isi padu air berkurang selepas 30 minit.
C Air tersejat sebagai wap air ke persekitaran.
D Isi padu air berkurang kerana proses penyejatan.


- 3 Maklumat di bawah menerangkan tentang satu kemahiran proses sains.

Membuat kesimpulan awal tentang sesuatu kejadian berdasarkan pemerhatian.

Apakah kemahiran proses sains yang dimaksudkan?

- A** Membuat hipotesis
B Berkomunikasi
C Membuat inferens
D Mentafsir data

- 4 Rajah 3 menunjukkan satu pengelasan bahan berdasarkan sifat kimianya.




Rajah 3

Apakah sifat X dan Y?

	X	Y
A	Neutral	Alkali
B	Alkali	Asid
C	Asid	Neutral
D	Asid	Alkali

- 5 Rajah 4 menunjukkan tiga batang magnet yang berlainan saiz digunakan dalam satu penyiasatan.




Rajah 4

Apakah pemboleh ubah yang dimanipulasi dalam penyiasatan ini?

- A** Jenis magnet
B Saiz magnet
C Jenis bahan yang ditarik magnet
D Bilangan klip kertas yang dapat ditarik magnet

- 6 Sebatang pokok diletakkan di dalam kotak berlubang di kawasan terbuka. Pokok disiram setiap hari. Ramalkan keadaan pokok selepas seminggu.
- A Pokok mati
B Pokok layu
C Pokok akan tumbuh ke arah lubang
D Daun pokok berwarna kekuningan
- 7 Rajah 5 menunjukkan penyiasatan yang dijalankan oleh Amir. Dia mendapati semua larva mati selepas sehari.



Rajah 5

- Apakah inferens yang boleh dibuat?
- A Larva kekurangan makanan.
B Larva kekurangan air.
C Larva kekurangan cahaya matahari.
D Larva kekurangan udara.
- 8 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kemahiran proses sains?
- A Memerhati C Meramal
B Menganggar D Mengelas
- 9 Jadual 1 menunjukkan ketinggian anak pokok jagung dalam tempoh 3 minggu.

Bilangan minggu	Ketinggian (cm)
1	15
2	25
3	35

Jadual 1

- Ramalkan tinggi anak pokok jagung pada minggu kelima.
- A 50 C 60
B 55 D 65
- 10 Jadual 2 menunjukkan pemerhatian dalam satu penyiasatan.

Bilangan mentol	1	2	3
Kecerahan mentol	Sangat cerah	Cerah	Malap

Jadual 2

- Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan pada Jadual 2?
- A Semakin banyak mentol, semakin cerah nyalaan mentol.
B Semakin banyak mentol, semakin malap nyalaan mentol.
C Semakin banyak mentol, semakin kurang arus elektrik yang mengalir.
D Semakin kurang mentol, semakin besar arus elektrik yang mengalir.

Kemahiran Manipulatif

11

Seekor katak digunakan dalam satu penyiasatan di makmal.

- Apakah yang perlu dilakukan ke atas katak itu selepas kajian dibuat?
- A Buang ke dalam tong sampah
B Simpan di dalam beg sekolah
C Lepaskan semula katak itu
D Simpan di dalam makmal
- 12 Antara alat berikut, yang manakah digunakan untuk mencatat masa di dalam bilik sains?
- A Jam matahari
B Neraca mampatan
C Jam randik
D Termometer

13

Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat

